

Hamid Egoh terima anugerah ijazah Kehormat Doktor Falsafah

UB 24.11.2013 A3

KOTAKINABALU: Mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tan Sri Abdul Hamid Egoh dianugerahkan ijazah Kehormat Doktor Falsafah sempena konvokesyen ke-15 universiti itu.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tun Zaki Tun Azmi berkata selain beliau, Prof. Datuk Dr Mohd Noh Dalim dan Prof. Dr Sabihah Osman turut dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus.

“Atas jasa bakti Tan Sri Datuk Abdul Hamid Egoh yang menjadi pelopor Lembaga Pengarah UMS

(1995-2013), maka amat wajar beliau dianugerahkan ijazah Kehormat Doktor Falsafah tersebut.

“Beliau telah memimpin UMS dengan penuh iltizam sehingga menjadikan universiti ini di kedudukan sekarang,” katanya semasa berucap pada Majlis Makan Malam sempena konvokesyen universiti berkenaan.

T e k s u c a p a n n y a disampaikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr Mohd Harun Abdullah.

Pada konvokesyen kali ini, seramai 4,553 orang graduan menerima diploma dan ijazah

masing-masing.

Daripada jumlah itu, seramai 21 orang penerima ijazah Doktor Falsafah; 458 orang menerima ijazah Sarjana; 337 orang menerima Diploma Lepas Ijazah; 3,707 orang menerima Sarjana Muda dan 27 orang menerima Diploma.

Turut hadir pada majlis tersebut, Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Datuk Seri Panglima Hajah Norlidah Datuk R.M. Jasni serta Ketua Menteri

Sabah, Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman di salah sebuah hotel terkemuka di sini.

Pada majlis itu, Tun Haji Juhar turut menyampaikan enam anugerah iaitu Anugerah Pelajaran Diraja (Bumiputera, Nur Syazwani Yussof; Anugerah Pelajaran Diraja (Bukan Bumiputera), Jong Lin Wei; Pingat Emas Canselor, Tan Mei Ling; Pingat Emas Naib Canselor, Goh Kay Mint; Anugerah Emas Alumni, roselin Shu Mei dan Hadiah Zainal Abidin Bador, Rootney Hererra Jamie.